

# 20 siswa UMS lawat warga OKU di Pusat Seri Mengasih

NST 4.6.2016 6

**KOTA KINABALU:** Seramai 20 siswa Universiti Malaysia Sabah telah mengadakan lawatan program ke-masyarakat ke Pusat Seri Mengasih, Tanjung Aru, Kota Kinabalu pada 19 Mei 2016.

Program itu telah dijalankan oleh para pelajar tahun akhir yang mengambil kursus elektif Masyarakat Sivil dan Pembangunan yang ditawarkan oleh program Ekonomi Perancangan dan Pembangunan di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan.

Program lawatan tersebut bermatlamat sebagai medium untuk mendedahkan pelajar supaya prihatin dengan warga OKU dan memupuk sikap kasih sayang serta memberi peluang dan pengalaman sebenar dalam melakukan aktiviti kebajikan.

Pensyarah kursus Masyarakat Sivil dan Pembangunan UMS, Dr Janice L.H Nga, berkata aktiviti seperti itu adalah sangat relevan dalam pembangunan negara kerana memberi kesedaran bahawa wujudnya unsur kurang upaya dalam setiap individu.

Justeru, pandangan sempit terhadap OKU dapat diperbetul dan diberi perhatian positif yang sewajarnya.

Pelbagai acara telah dijalankan semasa lawatan itu. Antaranya ialah beramah mesra, sesi suai kenal, aktiviti permainan, mewarna, mengenali proses penghasilan kertas dan kraftangan

serta sesi bergambar kenangan bersama warga OKU Pusat Seri Mengasih, Tanjung Aru.

Menurut pengurus pusat, Jenny

berkata bahawa orang ramai juga di-

galakkan untuk bergiat aktif dalam aktiviti seperti ini dan mengharapkan sumbangan dana daripada pihak ramai.

Beliau juga menjemput orang ramai untuk datang ke pusat tersebut pada 4 Jun ini bermula jam 9 pagi kerana pusat tersebut akan mengadakan ‘Garage Sale’ untuk mengumpul dana yang diperlukan.

Pelbagai barangan seperti kraf tangan dan kek yang dibuat oleh warga pusat itu sendiri serta lain-lain barangan akan dijual pada hari penjualan.